



## FAQ Insentif Pascabayar (*Postpaid*) RAHMAH Penjawat Awam

---

### 1) Apa Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam?

Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam ialah tawaran rebat sebanyak RM10 sebulan bagi tempoh 12 bulan bagi pakej pascabayar yang bernilai RM60 dan ke atas (tidak termasuk cukai perkhidmatan) khusus untuk penjawat awam Malaysia bersempena dengan Bulan Kebangsaan. Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile dan YTL Communications (Yes).

Insentif ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu:

- i. Bagi pejawat awam yang **baharu** mendaftar untuk melanggan pakej pascabayar yang bernilai RM60 dan ke atas dengan mana- mana telco terlibat;
- ii. Bagi penjawat awam yang **sedang** melanggan mana-mana pakej pascabayar yang bernilai RM60 dan ke atas dengan mana-mana telco terlibat **dan pakej pascabayar tersebut tidak terikat dengan kontrak**; atau

Sekiranya **pakej pascabayar sedia ada tersebut masih di dalam tempoh kontrak**, perkara ini perlu dirujuk khusus dengan telco terlibat terlebih dahulu bagi melihat kelayakan untuk memohon Insentif.

Walau bagaimanapun, Insentif ini tidak terpakai bagi penjawat awam yang melanggan mana-mana pakej pascabayar secara berkumpulan melalui Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Kelab/ Persatuan (*enterprise package*) kerana pakej pascabayar secara berkumpulan telah mempunyai rebat/ diskaun.

**2) Siapakah yang layak untuk melangani Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam?**

Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam terbuka kepada semua Penjawat Awam Malaysia di bawah Kerajaan Persekutuan/ Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan.

**3) Dimanakah pengguna boleh mendaftar Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam?**

- i. Untuk pelanggan sedia ada, pelanggan boleh berhubung dengan telco berkenaan untuk mendapatkan maklumat mengenai insentif ini;
- ii. Untuk pelanggan baru, pendaftaran boleh dibuat secara bersemuka di pusat jualan telco atau semasa aktiviti promosi di mana mana lokasi terpilih atau mana- mana proses pendaftaran mengikut telco yang terlibat.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman web telco yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis,U Mobile dan YTL Communications (Yes)

**4) Berapakah had langganan Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam bagi setiap penjawat awam yang layak?**

Setiap pelanggan yang layak hanya boleh menikmati 1 kali pemberian Insentif sahaja dengan jumlah nilai kumulatif Insentif sebanyak RM120 setahun.

**5) Apakah dokumen yang diperlukan bagi mendaftar untuk Pakej ini?**

Memandangkan Pakej ini disasarkan kepada penjawat awam, dokumen-dokumen berikut diperlukan untuk pengesahan:

- i) Kad Pengenalan; dan
- ii) ID Kad Penjawat Awam.

**6) Bilakah Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam akan mula ditawarkan?**

Pakej ini mula ditawarkan pada 16 September sehingga 31 Disember 2023 tertakluk kepada syarat dan mekanisma pendaftaran setiap telco.

**7) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam ini?**

Anda boleh melayari laman web telco yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile dan YTL Communications (Yes) atau hadir ke mana-mana cawangan telco yang berdekatan.

Nota:

FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi penawaran Insentif Pascabayar RAHMAH Penjawat Awam berdasarkan spesifikasi masing-masing.